

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : LOJI RAWATAN AIR**

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembinaan Loji Rawatan Air Semenyih 2, Langat 2 dan Labohan Dagang berbanding dengan jangkaan sebenar?

**JAWAPAN:**

a)

1. Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan No. 42 dari Y.B. Tanjung Sepat, No. 118 dari Y.B Kinrara dan No. 241 dari Y.B. Kg Tunku bersekali kerana kesemua pertanyaan ini melibatkan perkara yang sama, iaitu berkenaan pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Labohan Dagang.
2. Projek pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dijadualkan siap pada 19 Disember 2017. Pada ketika ini, kerja-kerja di tapak setakat 30 September 2017 telah mencapai 87%. Kerja-kerja pemasangan kabel TNB juga berjalan lancar dan dijangkakan penyambungan elektrik ke loji akan diaktifkan pada pertengahan bulan November ini. Kerja-kerja *Testing & Commissioning* Loji Rawatan Air dijangka akan bermula pada akhir November 2017.
3. Seterusnya, bagi Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang, ia telah disusun kepada lima (5) pakej iaitu:-

<b>Bil</b>	<b>Nama Pakej</b>	<b>Tarikh Mula</b>	<b>Tarikh Siap</b>
1.	PAKEJ A - Kerja-kerja Pengukuhan dan Pemuliharaan Kolam Pra-rawatan dan Kolam Utama Termasuk Membina Mukasauk di Sungai Langat.	14 September 2016	13 Mac 2018
2.	PAKEJ B- Pembinaan Tangki Air Konkrit Bertetulang Muatan 40 Juta Liter (JL) di Bukit Jugra, Kuala Langat, Selangor	14 Oktober 2016	27 April 2016

Bil	Nama Pakej	Tarikh Mula	Tarikh Siap
3.	PAKEJ C1 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. Bergarispusat 1800 Mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor	09 Disember 2016	07 Jun 2018
4.	PAKEJ C2 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. Bergarispusat 1800 Mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor	14 Februari 2017	13 Ogos 2018
5.	PAKEJ D - Menguji dan Mentauliah Sebuah Loji Rawatan Air Berkapasiti 200 Mild serta Kerja-Kerja Berkaitan di Labohan Dagang, Kuala Langat, Selangor	07 Julai 2017	11 Oktober 2018

4. Pada ketika ini kerja-kerja di tapak telah bermula dan kerja-kerja pembinaan dijangka mengikut jadual yang telah ditetapkan. Setakat 24 Oktober 2017, kemajuan sebenar di tapak bagi keseluruhan projek Labohan Dagang telah mencapai 12%. Projek ini dijadualkan siap dan beroperasi sebelum Disember 2018.
5. Berkenaan dengan pengambilan balik tanah yang terlibat bagi kedua-dua projek Semenyih 2 dan Labohan Dagang, ia telah diselesaikan sepenuhnya. Bagi tanah-tanah yang telah dikemukakan Borang G dan H oleh Pejabat Tanah, pembayaran balik telah pun diselesaikan. Terdapat juga beberapa pemilik tanah yang mengemukakan Notis Bantahan ke atas nilai pampasan

yang telah dipersetujui dan merujuk perkara ini ke Mahkamah. Kerajaan Negeri akan membayar nilai sebenar pampasan sebagaimana yang akan ditentukan oleh Mahkamah bagi kes-kes bantahan ini.

6. Bagi Projek Semenyih 2, lot tanah persendirian yang terlibat adalah sebanyak 3 lot sahaja. Manakala bagi Projek Labohan Dagang, tanah persendirian yang terlibat untuk keseluruhan projek adalah sebanyak 100 lot dan jumlah keluasannya adalah sebanyak 39.1837hektar.
7. Y.B Kg. Tunku juga ada bertanyakan mengenai status Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2, ia dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Melalui maklumat yang diperoleh, setakat 23 Oktober 2017, kerja-kerja sebenar di tapak telah mencapai 64.47% berbanding jadual sebanyak 71.40%. Tarikh jangkaan siap keseluruhan projek dijadualkan pada akhir tahun 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : USAHAWAN BELIA**

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha dan insentif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan golongan belia dalam bidang keusahawanan?
- b) Nyatakan pelan jangka masa panjang Kerajaan Negeri untuk membina kelompok usahawan belia yang berjaya

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan menawarkan bantuan kepada semua kategori umur usahawan di negeri ini. Pelbagai insentif disediakan berbentuk geran, program promosi dan latihan pembangunan Usahawan untuk memperkasakan lagi usahawan di Negeri Selangor. Pelan ini dirangka untuk jangk masa lima (5) tahun dan akan dikemaskini setelah tempoh tersebut untuk melihat keberkesanan dan penambahbaikan. Program-program yang dijalankan bagi membantu usahawan tempatan adalah seperti berikut:

i. **Dana Usahawan Mikro Selangor**

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada industri mikro di mana ia ditakrifkan sebagai perniagaan dengan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM300,000.00 dan mempunyai 2 hingga 5 orang pekerja tetap. Fokus Pembangunan Usahawan adalah untuk memberi bantuan kepada pengusaha mikro melalui sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Dana Usahawan Mikro Selangor merupakan program khas yang memberi focus untuk membantu usahawan - usahawan Industri Mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju.

- Skop Bantuan

Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM200,000.00 bagi setiap daerah untuk menyalurkan bantuan

kepada pemohon yang layak. Seorang pemohon layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan adalah seperti berikut:

- Bantuan pembelian mesin / peralatan / perkakasan;
- Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai/menaiktaraf;
- Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;
- Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan
- Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di negeri Selangor.

**ii. Promosi**

Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan menyediakan *platform* promosi dengan menyertai ekspo dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *Selangor International Expo (SIE)* dan *Malaysia Halal Festival (HALFEST)*. Usahawan yang berkelayakan akan ditawarkan untuk menyertai ekspo/ pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor.

Penganjuran ekspo dan pameran ini telah memberi ruang kepada usahawan dalam meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke peringkat antarabangsa. Usahawan yang paling berjaya pada tahun 2016 adalah Syarikat Inspire Human Capital Development Sdn Bhd yang menghasilkan produk kerepek seaweed jenama Teego semasa pameran MIHAS yang berlangsung pada 30 Mac - 2 April 2016. Syarikat ini telah memperolehi kontrak pembekalan ke 3 buah negara iaitu Dubai, Jeddah dan Jepun. Pada PIHEC 2017 yang berlangsung pada 24 - 26 Februari 2017, Syarikat

Dhuha Tensai Resources yang menjual makanan Korea telah mendapat tempahan daripada Singapura. Manakala syarikat Bio-Haruantech (M) Sdn. Bhd. di bawah label Rezza Brand yang menjual pelbagai produk mi segera telah mendapat tempahan daripada Singapura, Brunei, Hong Kong, China dan Korea. Selain itu, pada MIHAS 2017 yang berlangsung pada 5 - 8 April 2017, Syarikat Yusa Food Products Sdn. Bhd. telah mendapat tempahan daripada Singapore, Vietnam, China dan kini sedang dalam perbincangan bersama syarikat daripada United Kingdom.

Pada tahun ini, buat pertama kali Kerajaan Negeri telah menyertai pameran antarabangsa ke *China ASEAN Expo (CAEXPO)* 2017 pada 12 hingga 15 September 2017 di Nanning, China anjuran *People's Government of Guangxi Zhuang Autonomous Region* dan ditaja oleh *Ministry of Commerce, P.R. China*. Kerajaan Negeri Selangor menyertai pameran ini melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) memandangkan badan ini berperanan untuk mempromosi, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan memberi penekanan eksport terhadap produk keluaran Malaysia. Seramai lima (5) usahawan yang mempunyai produk yang boleh dikembangkan ke pasaran luar telah dipilih mewakili Negeri Selangor. Pada pameran ini sekurang-kurang 2 hingga 6 syarikat daripada China telah menunjukkan minat terhadap produk usahawan Negeri Selangor. Penganjuran ekspo dan pameran ini telah memberi ruang kepada usahawan dalam meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke peringkat antarabangsa.

**iii. Kursus/Latihan**

Kursus yang dijalankan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan adalah merangkumi latihan yang memberi fokus kepada pembangunan perniagaan, pengurusan kewangan, pemantapan produk dan strategi pemasaran.

**iv. Program Pembungkusan Produk Made In Selangor**

Untuk membawa produk ke tahap yang lebih tinggi Kerajaan Negeri telah mengadakan program ini khususnya kepada usahawan yang sudah bersedia meluaskan pasaran ke pasaraya rantaian dan ke peringkat antarabangsa. Program kerjasama dengan SIRIM Berhad ini memberi peluang kepada peserta untuk mengikuti program yang telah direncana khas bagi pembangunan pembungkusan produk. Peserta juga akan menerima pensijilan produk, carian jenama dan cetakan pembungkusan.

v. **Pinjaman HIJRAH Selangor**

Agensi ini menawarkan pinjaman kepada usahawan di peringkat permulaan. Ia merangkumi tiga perkhidmatan dalam satu urusniaga yang meliputi pinjaman, tabungan dan pelaburan. Pinjaman ini menawarkan modal tambahan mengikut skim dan berperingkat seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Skim</b>	<b>Jumlah pinjaman</b>
1.	Skim 1	RM1,000.00 - RM5,000.00
2.	Skim 2	RM6,000.00 - RM10,000.00
3.	Skim 3	RM15,000.00 - RM20,000.00
4.	Skim 4	RM30,000.00 - RM50,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : PERUNTUKAN RM200,000 KEPADA AHLI DEWAN NEGERI  
PEMBANGKANG DI SELANGOR**

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Ahli Dewan Negeri Pembangkang yang telah atau tidak membelanjakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri pada tahun 2016 dan 2017.
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap Ahli Dewan Negeri Pembangkang yang tidak menggunakan peruntukan RM200,000 pada tahun ini?

**JAWAPAN:**

- a) Mulai tahun 2015, Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan diberikan peruntukan di bawah vot Perkhidmatan Masyarakat sebanyak RM200,000.00. Bagi perbelanjaan tahun 2015, tiada Ahli Dewan Negeri yang mengguna pakai peruntukan ini. Bagi tahun 2016, jumlah peruntukan yang sama diberikan kepada semua DUN Bukan Kerajaan.

Sehingga Mac 2016, memandangkan masih tiada perbelanjaan dibuat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang telah disahkan pada 23 Mac 2016 bersetuju supaya peruntukan sebanyak RM6,000.00 sebulan bagi tempoh 10 bulan mulai Mac 2016 disalurkan terus kepada akaun Pusat Perkhidmatan Masyarakat (PKM) bagi tujuan pengurusan pejabat.

Perbelanjaan DUN Bukan Kerajaan bagi tahun 2016 adalah seperti jadual berikut:

BIL	NAMA DUN		PERBELANJAAN (RM)
1.	N39	Kota Damansara	60,000.00
2.	N46	Pelabuhan Klang	0.00
3.	N13	Kuang	60,000.00
4.	N24	Semenyih	60,000.00
5.	N55	Dengkil	81,906.50

6.	N08	Sg Burong	60,000.00
7.	N09	Permatang	60,000.00
8.	N10	Bukit Melawati	60,000.00
9.	N12	Jeram	71,328.47
10.	N05	Hulu Bernam	60,000.00
11.	N07	Batang Kali	60,000.00
12.	N01	Sg Air Tawar	60,000.00
13.	N03	Sg Panjang	60,000.00
<b>JUMLAH</b>			<b>753,234.97</b>

Pada tahun 2017 pula, tiada perbelanjaan dibuat oleh mana-mana Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukan Kerajaan sehingga 30 September 2017.

- b) Setelah beberapa pindaan dan kemudahan diberikan kepada DUN Bukan Kerajaan, namun peruntukan yang disediakan untuk kebaikan rakyat masih tidak digunakan. Dan tiada tindakan dikenakan ke atas mana-mana Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan yang tidak membelanjakan peruntukan tersebut namun, demi kepentingan dan kebaikan rakyat, keputusan MMKN yang telah disahkan pada 25 Oktober 2017 bersetuju supaya:
  - (i) peruntukan DUN Bukan Kerajaan berjumlah RM200,000.00 digunakan oleh Pegawai Penyelaras DUN tertakluk setelah peruntukan tahun 2016 dan 2017 telah habis dibelanjakan; dan
  - (ii) perbelanjaan/ penggunaan peruntukan tersebut adalah tertakluk dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 2 Tahun 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PENJUALAN ASET NEGERI**

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Senaraikan secara terperinci semua aset Kerajaan Negeri yang telah dijual dari tahun 2008-2017?
- Nyatakan peratusan jumlah wang rizab negeri hasil dari penjualan tersebut?

**JAWAPAN:**

- Berdasarkan rekod Perbendaharaan Negeri, aset-aset yang telah dijual dalam tempoh tahun 2008 hingga 2017 adalah secara keseluruhannya terdiri dari aset alih kategori kenderaan dan jentera yang kebanyakannya telah mencapai had usia guna dan tidak lagi ekonomi untuk digunakan. Rekod ini diselenggara oleh Perbendaharaan Negeri menerusi pengisytiharan Borang Kew.PA-19 yang dikemukakan oleh jabatan/agensi dari semasa ke semasa.

Nilai aset-aset yang telah dijual dari tahun 2008 sehingga suku tahun ketiga 2017 tersebut diperincikan seperti berikut:-

Bil	Tahun	Nilai Perolehan (RM)	Nilai Jualan (RM)	Catatan
1.	2008	2,026,390.22	164,105.60	Lampiran A
2.	2009	1,227,305.11	344,912.00	Lampiran B
3.	2010	6,030,479.30	887,298.00	Lampiran C
4.	2011	2,435,560.59	265,758.70	Lampiran D
5.	2012	3,857,348.04	722,921.00	Lampiran E
6.	2013	9,927,192.13	1,900,031.40	Lampiran F
7.	2014	4,540,276.13	578,808.00	Lampiran G
8.	2015	1,905,601.61	307,939.00	Lampiran H
9.	2016	453,631.52	54,450.00	Lampiran I
10.	2017	1,616,464.53	139,476.00	Lampiran J
<b>JUMLAH</b>		<b>34,020,249.18</b>	<b>5,365,699.10</b>	

- b) Kesemua wang hasil jualan aset tersebut adalah diperakaunkan sebagai hasil negeri dan menjadi sebahagian dari Kumpulan Wang Disatukan Negeri (Rizab) Negeri).

**PELUPUSAN KENDERAAN JABATAN BAGI TAHUN 2017 (SEHINGGA SUKU TAHUN KE-3)**

BIL	JABATAN	KETERANGAN ASET	NOMBOR PLAT	HARGA PEROLEHAN ASAL	TARIKH PEROLEHAN /TEMPOH PENGGUNAAN	HARGA SIMPANAN	HARGA JUALAN
1	PDT Sabak Bernam	Lori Daihatsu	BCW 336	43,883.00	28 tahun	1,500.00	5,250.00
		Mitsubishi Pajero	BFN 606	852,330.00	18 tahun	2,500.00	6,300.00
		Ford Everest	BHV 606	87,454.93	12 tahun	10,000.00	15,000.00
		Traktor Tanah	BCS 2347	50,000.00 (Anggaran)	29 tahun	1,500.00	10,500.00
2	PDT Gombak	Toyota Hilux	BNY 3152	82,832.27	11 tahun	13,000.00	26,600.00
		Proton Perdana	BNT 4577	75,323.50	10 tahun	8,000.00	3,300.00
		Nissan X-Trail	BPD 9043	93,628.57	8 tahun	13,000.00	14,600.00
3	PDT Kuala Selangor	Mitsubishi Pajero	BEY 2482	54,714.62	20 tahun	1,000.00	150.00
1	PDT Kuala Langat	Bas Mini	BHT 3673	195,000.00	11 tahun	12,000.00	33,888.00
		Toyota Hilux	BJL 842	81,297.64	9 tahun	7,500.00	23,888.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>1,616,464.53</b>		<b>70,000.00</b>	<b>139,476.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : BANTUAN KEPADA USAHAWAN MUDA PENANAM SAYUR**

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk bantuan dan sumbangan serta jumlah peruntukan kewangan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada usahawan-usahawan muda yang terlibat dengan perusahaan tanaman sayur?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Pertanian mempunyai beberapa program bagi usahawan-usahawan muda yang menceburkan diri dalam tanaman sayur. Jabatan Pertanian telah memperuntukkan sebanyak RM 700 ribu setahun bagi pembangunan tanaman sayur. Selain daripada itu, program Agro Generasi Muda telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri di mana sejumlah RM 418,621 geran bantuan disediakan bagi membantu belia untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : STADIUM MINI AMPANG JAYA**

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah projek pembinaan stadium mini akan siap?
- b) Apakah sebab-sebab kelewatan?

**JAWAPAN:**

**JAWAPAN:**

- a) Projek dijangka siap pada 30 November 2017.
- b) Projek Stadium MPAJ tidak mengalami kelewatan. Walau bagaimanapun pihak Majlis telah memberikan tempoh kerja lebih masa kepada kontraktor berdasarkan kepada faktor luar jangka di tapak seperti cuaca dan sebagainya serta terdapat perubahan kerja mengikut kehendak MPAJ.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : KESELAMATAN JAMBATAN SEPANJANG JALAN PERSEKUTUAN 5**

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan berapakah jumlah jambatan di sepanjang Jalan Persekutuan 5?
- b) Sila nyatakan apakah tahap keselamatan jambatan-jambatan tersebut?
- c) Sila nyatakan apakah kaedah dan pemantauan yang dilakukan bagi memastikan jambatan-jambatan tersebut sentiasa selamat diguna pakai?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah jambatan disepanjang Jalan Persekutuan 5 adalah sebanyak 183 buah seperti di **Lampiran A**.
- b) Tahap keselamatan jambatan-jambatan tersebut adalah selamat digunakan.
- c) Kaedah dan pemantauan yang dilakukan bagi memastikan jambatan-jambatan tersebut sentiasa selamat digunapakai adalah menerusi penyelenggaraan rutin secara berkala, *Maintenance of Bridges and Culverts* (R05) oleh pihak JKR dan Syarikat Konsesi Penyelenggaraan. Selain daripada itu, pihak JKR juga mengadakan Pemeriksaan Tahunan Mandatori Jambatan (PTMJ) bagi memastikan jambatan-jambatan di jalan persekutuan selamat digunakan.

Brid Reg No	Structure No	Bridge Name	Road No.	RoadName	Brid Kmt	State	District	Year Const	Spans
1	FT005/344/50	None/SEPANG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	344.5	Selangor	Sepang	1965	4
2	FT005/345/70	None/KEROH	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	345.7	Selangor	Sepang	1996	2
3	FT005/346/60	None / KELAMBAI	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	346.6	Selangor	Sepang	1989	1
4	FT005/347/30	None/UINAU	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	347.3	Selangor	Sepang	1990	1
5	FT005/349/50	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	349.5	Selangor	Sepang	1980	1
6	FT005/351/30	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	351.3	Selangor	Sepang	1980	1
7	FT005/352/30	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	352.3	Selangor	Sepang	1975	1
8	FT005/352/60	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	352.6	Selangor	Sepang	1980	1
9	FT005/356/60	None/SEPANG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	356.6	Selangor	Sepang	1960	5
10	FT005/358/50	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	358.5	Selangor	Sepang	1980	1
11	FT005/359/40	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	359.4	Selangor	Sepang	1950	2
12	FT005/361/50	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	361.5	Selangor	Sepang	1975	1
13	FT005/362/90	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	362.9	Selangor	Sepang	1980	1
14	FT005/364/10	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	364.1	Selangor	Sepang	1950	2
15	FT005/367/40	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	367.4	Selangor	K. Langat	1980	1
16	FT005/368/50	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	368.5	Selangor	K. Langat	1960	1
17	FT005/368/80	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	368.8	Selangor	K. Langat	1980	1
18	FT005/369/50	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	369.5	Selangor	K. Langat	1960	1
19	FT005/369/90	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	369.9	Selangor	K. Langat	1980	1
20	FT005/370/40	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	370.4	Selangor	K. Langat	1960	1
21	FT005/370/60	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	370.6	Selangor	K. Langat	1980	1
22	FT005/371/10	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	371.1	Selangor	K. Langat	1960	1
23	FT005/372/20	None/TG. SEPAT	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	372.2	Selangor	K. Langat	1960	1
24	FT005/373/40	None/GAPPIN	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	373.4	Selangor	K. Langat	1960	1
25	FT005/373/90	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	373.9	Selangor	K. Langat	1960	1
26	FT005/374/30	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	374.3	Selangor	K. Langat	1960	1
27	FT005/375/50	None/KUNDANG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	375.5	Selangor	K. Langat	1992	1
28	FT005/376/20	JANGGING	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	376.2	Selangor	K. Langat	1960	1
29	FT005/377/50	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	377.5	Selangor	K. Langat	1950	1
30	FT005/377/90	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	377.9	Selangor	K. Langat	1960	1
31	FT005/378/70	None/MESOK	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	378.7	Selangor	K. Langat	1992	1
32	FT005/380/30	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	380.3	Selangor	K. Langat	1960	1
33	FT005/381/50	None/TITIB	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	381.5	Selangor	K. Langat	1989	2
34	FT005/381/90	TANJONG LAYANG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	381.9	Selangor	K. Langat	1960	1
35	FT005/382/70	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	382.7	Selangor	K. Langat	1940	1
36	FT005/383/30	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	383.3	Selangor	K. Langat	1960	1
37	FT005/383/50	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	383.5	Selangor	K. Langat	1960	1
38	FT005/383/70	NONE	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	383.7	Selangor	K. Langat	1989	1
39	FT005/384/40	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	384.4	Selangor	K. Langat	1960	1
40	FT005/385/10	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	385.1	Selangor	K. Langat	1989	1
41	FT005/386/50	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	386.5	Selangor	K. Langat	1960	1
42	FT005/386/70	KANGONG LAUT	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	386.7	Selangor	K. Langat	1995	1
43	FT005/387/70	None/TALIAIR 2	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	387.7	Selangor	K. Langat	1995	1
44	FT005/388/10	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	388.1	Selangor	K. Langat	1988	2
45	FT005/389/50	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	389.5	Selangor	K. Langat	1960	1
46	FT005/389/70	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	389.7	Selangor	K. Langat	1950	1
47	FT005/390/90	None/ANAK SG.MORIB	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	390.9	Selangor	K. Langat	1987	1
48	FT005/391/60	None/TONGKAH	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	391.6	Selangor	K. Langat	1986	2
49	FT005/393/80	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	393.8	Selangor	K. Langat	1960	1

50	FT005/402/10	TELOK DATOK/LANGAT	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	402.1	Selangor	K. Langat	2006	8
51	FT005/403/90	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	403.9	Selangor	K. Langat	1960	1
52	FT005/404/10	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	404.1	Selangor	K. Langat	1960	1
53	FT005/404/60	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	404.6	Selangor	K. Langat	1960	1
54	FT005/405/40	None/TELOK PERIAN	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	405.4	Selangor	K. Langat	1996	1
55	FT005/405/90	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	405.9	Selangor	K. Langat	1960	1
56	FT005/406/20	NONE / SEDU KECIL	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	406.2	Selangor	K. Langat	1996	1
57	FT005/406/80	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	406.8	Selangor	K. Langat	1960	1
58	FT005/407/50	None/SIDU	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	407.5	Selangor	K. Langat	1989	2
59	FT005/407/80	None/TG. DUA BELAS	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	407.8	Selangor	K. Langat	1989	1
60	FT005/408/20	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	408.2	Selangor	K. Langat	1960	1
61	FT005/409/10	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	409.1	Selangor	K. Langat	1996	1
62	FT005/410/00	None/BATU 15	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	410	Selangor	K. Langat	1996	1
63	FT005/412/10	None/JARUM	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	412.1	Selangor	K. Langat	1996	1
64	FT005/412/40	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	412.4	Selangor	K. Langat	1960	1
65	FT005/412/80	None/RAMBAI BESAR	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	412.8	Selangor	K. Langat	1992	1
66	FT005/413/50	None/RAMBAI KECIL	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	413.5	Selangor	K. Langat	1991	1
67	FT005/414/50	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	414.5	Selangor	K. Langat	1986	1
68	FT005/414/90	None/BUMBONG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	414.9	Selangor	K. Langat	1984	1
69	FT005/416/40	None/TELOK	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	416.4	Selangor	K. Langat	1992	1
70	FT005/416/80	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	416.8	Selangor	K. Langat	1960	1
71	FT005/417/10	None/TELOK	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	417.1	Selangor	K. Langat	1994	1
72	FT005/419/10	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	419.1	Selangor	K. Langat	1996	1
73	FT005/419/70	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	419.7	Selangor	K. Langat	1960	1
74	FT005/419/80	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	419.8	Selangor	K. Langat	1996	1
75	FT005/420/50	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	420.5	Selangor	K. Langat	1960	1
76	FT005/420/70	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	420.7	Selangor	K. Langat	1960	1
77	FT005/421/30	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	421.3	Selangor	K. Langat	1994	1
78	FT005/421/90	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	421.9	Selangor	K. Langat	1960	1
79	FT005/423/30	JAMBATAN SG. AIR HITAM	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	423.3	Selangor	Kelang	1991	1
80	FT005/424/10	HITAM / NONE	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	424.1	Selangor	Kelang	1982	1
81	FT005/425/90	NONE / PENDAMAR	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	425.9	Selangor	Kelang	1991	1
82	FT005/428/70	None/AUR	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	428.7	Selangor	Kelang	1991	3
83	FT005/438/80	None/PUTUS	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	438.8	Selangor	Kelang	1980	1
84	FT005/442/40	None/BATU EMPAT	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	442.4	Selangor	Kelang	1970	1
85	FT005/426/10	None/	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	426.1	Selangor	Kelang		1
86	FT005/444/50	None/BULOH	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	444.5	Selangor	Kelang	1995	1
87	FT005/427/10	None/	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	427.1	Selangor	Kelang	1960	1
88	FT005/429/10	NONE /	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	429.1	Selangor	Kelang		1
89	FT005/448/80	None/KAPAR KECIL	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	448.8	Selangor	Kelang	1960	1
90	FT005/433/10	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	433.1	Selangor	Kelang		1
91	FT005/451/80	None/KAPAR	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	451.8	Selangor	Kelang	1960	3
92	FT005/452/10	None/PEKAN KAPAR	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	452.1	Selangor	Kelang	1960	1
93	FT005/456/80	None/SERDANG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	456.8	Selangor	Kelang	1970	1
94	FT005/460/00	None/JANGGUT	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	460	Selangor	K. Selangor	1991	1
95	FT005/462/30	None/SEMBILANG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	462.3	Selangor	K. Selangor	1991	1
96	FT005/463/30	SG. SEMBILANG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	463.3	Selangor	K. Selangor	1960	1
97	FT005/464/20	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	464.2	Selangor	K. Selangor	1960	1
98	FT005/465/70	None/ERAM	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	465.7	Selangor	K. Selangor	1939	2
99	FT005/467/70	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	467.7	Selangor	K. Selangor	1960	1

100	FT005/469/80	None/BULOH	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	469.8	Selangor	K. Selangor	1969	3
101	FT005/472/90	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	472.9	Selangor	K. Selangor	1960	1
102	FT005/474/80	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	474.8	Selangor	K. Selangor	1960	1
103	FT005/476/70	BULOH	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	476.7	Selangor	K. Selangor	1995	1
104	FT005/479/70	SULTAN IBRAHIM	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	479.7	Selangor	K. Selangor	1970	2
105	FT005/480/70	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	480.7	Selangor	K. Selangor	1960	1
106	FT005/481/60	None/SELANGOR	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	481.6	Selangor	K. Selangor	1979	7
107	FT005/484/70	PENGKALAN PERMATANG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	484.7	Selangor	K. Selangor	1995	1
108	FT005/485/90	None/YU 1	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	485.9	Selangor	K. Selangor	1960	1
109	FT005/487/00	None/YU 2	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	487	Selangor	K. Selangor	1960	1
110	FT005/488/70	None/TERAP	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	488.7	Selangor	K. Selangor	1992	2
111	FT005/490/70	None/TUNGGUL BARU	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	490.7	Selangor	K. Selangor	1992	2
112	FT005/491/60	None/GUILANG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	491.6	Selangor	K. Selangor	1993	2
113	FT005/494/00	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	494	Selangor	K. Selangor	1960	1
114	FT005/495/50	None/TENGI	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	495.5	Selangor	K. Selangor	1965	4
115	FT005/495/70	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	495.7	Selangor	K. Selangor	1960	2
116	FT005/498/30	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	498.3	Selangor	K. Selangor	1960	1
117	FT005/500/60	None/Jamb. Talar 1 Sg. Burong	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	500.6	Selangor	K. Selangor	2005	1
118	FT005/501/70	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	501.7	Selangor	K. Selangor	1980	2
119	FT005/503/40	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	503.4	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
120	FT005/505/00	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	505	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
121	FT005/507/10	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	507.1	Selangor	Sabak Bernam	1997	2
122	FT005/507/40	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	507.4	Selangor	Sabak Bernam	2004	1
123	FT005/508/00	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	508	Selangor	Sabak Bernam	2004	1
124	FT005/508/20	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	508.2	Selangor	Sabak Bernam	2005	1
125	FT005/508/24	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	508.24	Selangor	Sabak Bernam	1960	1
126	FT005/508/90	None/PARIT 6	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	508.9	Selangor	Sabak Bernam	2004	2
127	FT005/510/50	None/PARIT 7	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	510.5	Selangor	Sabak Bernam	2004	2
128	FT005/511/70	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	511.7	Selangor	Sabak Bernam	2004	1
129	FT005/512/50	None/PARIT 8 SG. LEMAN	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	512.5	Selangor	Sabak Bernam	2004	2
130	FT005/514/10	None/PARIT 9	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	514.1	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
131	FT005/515/70	None/PARIT 10	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	515.7	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
132	FT005/517/50	None/PARIT 11	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	517.5	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
133	FT005/518/30	None/TALU AIR 11	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	518.3	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
134	FT005/519/10	None/PARIT 12(BM)	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	519.1	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
135	FT005/520/10	None/NIBUNG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	520.1	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
136	FT005/520/90	None/PARIT 13	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	520.9	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
137	FT005/522/60	None/PARIT 14/15	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	522.6	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
138	FT005/524/30	None/NIPAH	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	524.3	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
139	FT005/525/20	None/HJ. DORANI	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	525.2	Selangor	Sabak Bernam	1993	1
140	FT005/526/40	None/HJ. DORANI	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	526.4	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
141	FT005/527/70	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	527.7	Selangor	Sabak Bernam	1970	2
142	FT005/528/60	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	528.6	Selangor	Sabak Bernam	1970	2
143	FT005/529/40	None/UIMAU	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	529.4	Selangor	Sabak Bernam	1970	2
144	FT005/532/10	None/BESAR	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	532.1	Selangor	Sabak Bernam	1970	1
145	FT005/534/60	None/PANCANG BEDENA	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	534.6	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
146	FT005/536/20	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	536.2	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
147	FT005/536/70	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	536.7	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
148	FT005/539/00	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	539	Selangor	Sabak Bernam	1960	2
149	FT005/539/40	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	539.4	Selangor	Sabak Bernam	1960	2

150	FT005/543/70	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	543.7	Selangor	Sabak Bernam	1950	2
151	FT005/545/20	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	545.2	Selangor	Sabak Bernam	1972	3
152	FT005/549/10	None/BERNAM	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	549.1	Selangor	Sabak Bernam	1978	15
153	FT005/351/40	None/PARIT	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	351.4	Selangor	Sepang	1980	1
154	FT005/352/40	None/PARIT	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	352.4	Selangor	Sepang	1970	1
155	FT005/379/40	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	379.4	Selangor	K. Langat	1960	1
156	FT005/387/20	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	387.2	Selangor	K. Langat	1988	1
157	FT005/395/40	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	395.4	Selangor	K. Langat	1962	1
158	FT005/395/60	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	395.6	Selangor	K. Selangor	1962	1
159	FT005/459/40	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	459.4	Selangor	K. Selangor	1999	1
160	FT005/450/30	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	460.3	Selangor	K. Selangor	1999	1
161	FT005/475/90	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	475.9	Selangor	K. Selangor	2005	1
162	FT005/476/40	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	476.4	Selangor	K. Selangor	2005	1
163	FT005/395/50	None	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	395.5	Selangor	K. Langat	1962	1
164	FT005/356/50	None/SEPANG KECIL	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	356.5	Selangor	Sepang	1960	5
165	FT005/361/40	None/MANGGIS	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	361.4	Selangor	Sepang	1960	1
166	FT005/398/60	NONE	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	398.6	Selangor	K. Langat	2003	1
167	FT005/378/20		FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	378.2	Selangor	K. Langat	1940	1
168	FT005/542/14	BT. 2 TEBUK PULAI	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	542.14	Selangor	Sabak Bernam	2004	2
169	FT005/404/70		FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	404.7	Selangor	K. Langat	2003	1
170	FT005/428/71	SG. AUR DI JLN LANGAT	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	428.71	Selangor	Kelang	1991	3
171	FT005/424/00		FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	424	Selangor	Kelang		1
172	FT005/399/90	NONE	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	399.9	Selangor	K. Langat	2003	1
173	FT005/458/00	KLANG-KUALA SELANGOR	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	458	Selangor	K. Selangor	1999	1
174	FT005/505/10	PARIT 4/SG BURUNG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	505.1	Selangor	K. Selangor		
175	FT005/470/00	POS SG BULOH	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	470	Selangor	K. Selangor		2
176	FT005/478/40	KILANG AIS	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	478.4	Selangor	K. Selangor		1
177	FT005/482/00	PASIR PENAMBANG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	482	Selangor	K. Selangor		1
178	FT005/482/70	JPI PASIR PENAMBANG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	482.7	Selangor	K. Selangor		1
179	FT005/503/50	PARIT 3/SG BURONG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	503.5	Selangor	K. Selangor		1
180	FT005/481/61	SUNGAI SELANGOR	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	481.61	Selangor	K. Selangor	1999	7
181	FT005/495/51	SG. TENGI, TG. KARANG	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	495.51	Selangor	K. Selangor		3
182	FT005/502/00	JAMBATAN PARIT 2, SG. BURON	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	502	Selangor	K. Selangor	2005	1
183	FT005/454/50	JAMBATAN BATU 12, KAPAR/NC	FT005	Johor Bahru - Kelang - Ipoh	454.5	Selangor	Kelang	2004	1

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KELULUSAN HAK MILIK TANAH**

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan tanah-tanah kerajaan yang telah diberi hak milik kepada Syarikat Proton serta Perodua serta anak-anak syarikatnya dengan maklumat tentang saiz, jenis hak milik, tempoh pajakan, kategori kegunaan tanah serta premium yang dibayar untuk setiap hak milik.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak pernah memberi tanah secara pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara, kepada Syarikat Proton dan Syarikat Perodua serta anak-anak syarikatnya. Kesemua tanah adalah diperolehi secara pindah milik. Data-data yang didapati adalah melalui dari aplikasi Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB).

Terdapat 8 hak milik tanah adalah milik Syarikat Perodua serta anak-anak syarikatnya yang telah didaftarkan mengikut setiap daerah dalam Negeri Selangor.

Iaitu, bagi daerah Hulu Selangor terdapat 4 hak milik tanah Perodua di Bandar Serendah dengan taraf pegangan pajakan 99 tahun dari tahun 1998 sehingga 2011 yang akan luput pajakan pada 5 Jun 2094. Satu daripada hak milik ini adalah jenis Hak milik Sementara Daftar (HSD). Manakala 3 hak milik adalah jenis Pajakan Negeri (PN). Jumlah keseluruhan keluasan keempat-empat hak milik tanah ini adalah 520.63 ekar. Kesemuanya hak milik ini adalah kategori kegunaan tanah perusahaan.

Bagi di Daerah Petaling terdapat 3 hak milik tanah Perodua, dua daripadanya di Mukim Damansara dengan taraf pegangan selama-lamanya dari tahun 1996. Kedua-dua hak milik ini adalah kategori kegunaan tanah perusahaan dengan keluasan tanah 1,765 meter persegi. Serta hak milik ini adalah jenis Hak milik Sementara Daftar (HSD) dan merupakan tanah lot yang bersebelahan. Juga, terdapat 1 hak milik tanah Perodua di Bandar Petaling Jaya dengan jenis Hak milik Sementara Daftar (HSD) yang bertaraf pegangan pajakan 99 tahun dari tahun 2014 sehingga tahun 2062 dengan keluasan 5,226.44 meter persegi. Kategori kegunaan tanah ini adalah bangunan.

Untuk Daerah Gombak pula, hanya terdapat 1 hak milik tanah Perodua sahaja di Mukim Rawang yang jenis hak milik Geran (GRN) dengan taraf pegangan selama-lamanya dari tahun 2008. Keluasan hak milik ini adalah 6,470 meter persegi dan kategori kegunaan tanah Perusahaan.Untuk Syarikat Proton serta anak-anak syarikatnya pula, terdapat 21 hak milik tanah sahaja di daerah Petaling.

Bagi di Mukim Damansara terdapat 12 hak milik tanah Proton dengan taraf pegangan selama-lamanya dari tahun 1992 yang jenis Hak milik Sementara Daftar (HSD). Kategori kegunaan tanah bagi 12 hak milik ini adalah tanah Perusahaan. Jumlah keluasan keseluruhan 12 hak milik ini dianggarkan dari 2.3 ekar sehingga 55 ekar.

Manakala, di Mukim Sungai Buloh, terdapat 2 hak milik tanah dari anak-anak syarikat Proton. Satu hak milik tanah Proton adalah jenis Geran (GRN) dengan taraf pegangan selama-lamanya dari tahun 2007 dengan keluasan 5,716 meter persegi. Kategori kegunaan tanah untuk hak milik geran ini adalah bangunan. Satu hak milik tanah lagi adalah jenis Pajakan Negeri (PN) dengan taraf pegangan pajakan 99 tahun dari tahun 2005 sehingga tahun 2096 dengan keluasan 15,506 meter persegi. Kategori kegunaan tanah hak milik pajakan negeri ini adalah perusahaan.

Di Bandar Petaling Jaya, terdapat 1 hak milik tanah dari anak syarikat Proton. Hak milik ini adalah jenis Hak milik Sementara Daftar (HSD) dengan taraf pegangan selama-lamanya dari tahun 2002 dengan keluasan 195.09 meter persegi. Kategori kegunaan tanah untuk hak milik ini adalah bangunan.

Di Pekan Hicom terdapat 2 hak milik tanah Proton yang jenis Geran (GRN) yang merupakan bersebelahan lot dengan taraf pegangan selama-lamanya dari tahun 1998. Keluasan kedua-dua tanah ini adalah dianggarkan dari 3.6 ekar sehingga 143 ekar. Kategori kegunaan tanah untuk kedua-dua hak milik ini adalah perusahaan.

Di Bandar Shah Alam, hanya 1 hak milik tanah Proton sahaja yang jenis Hak milik Sementara Daftar (HSD) dengan taraf pegangan pajakan 99 tahun dari tahun 1984 sehingga 2083. Keluasan tanah ini 7385.55 meter persegi yang berkategori perusahaan.

Di Bandar Glenmarie, terdapat 3 hak milik tanah Proton jenis Geran (GRN) yang merupakan taraf pegangan selama-lamanya dari tahun 2008. Keluasan ketiga-tiga tanah ini adalah dianggarkan dari 1.38 ekar sehingga 3.6 ekar dengan berkategorikan perusahaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : HAIWAN LIAR**

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana langkah yang dilakukan oleh PBT khususnya di Daerah Hulu Langat untuk mengatasi masalah anjing di taman-taman perumahan?
- b) Pada September dan Oktober 2017, berlaku serangan anjing liar yang mengakibatkan kecederaan dan kematian. Apakah mangsa berhak menuntut pampasan daripada pihak tertentu?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Perbandaran Kajang mempunyai Unit Kacauganggu (Jabatan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam) yang khusus menjalankan aktiviti tangkapan anjing liar yang terdiri daripada 18 kakitangan. Kakitangan yang bertugas akan menjalankan aktiviti tangkapan anjing liar pada setiap hari di seluruh kawasan MPKj. MPKj menggunakan 3 kaedah bagi aktiviti penangkapan anjing liar iaitu perangkap, penyauk dan penjerut.
- b) Pihak MPKj tidak mempunyai sebarang bentuk pampasan kepada orang awam yang mengalami kecederaan atau kematian akibat serangan anjing liar. Walaubagaimanapun sekiranya didapati anjing tersebut berlesen, mangsa hendaklah berurusan terus dengan pemilik anjing tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : PERUMAHAN DAN HAK MILIK TANAH FELDA DI HULU SELANGOR**

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan usaha-usaha Kerajaan Negeri yang diberikan kepada peneroka Felda di Hulu Selangor seperti lot tanah pertanian dan kediaman (borang Notis 5A) sejak tahun 2008.
- b) Nyatakan status pembinaan rumah untuk generasi kedua Felda di Sungai Tengi Selatan.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin dan mengambil berat akan kebajikan peneroka / peserta Felda di Negeri Selangor serta masa depan mereka supaya pembangunan tanah FELDA memberi pulangan yang setimpal kepada peneroka / peserta. Maka, Kerajaan Negeri tampil untuk membantu Generasi Kedua FELDA untuk memiliki rumah yang selesa dan affordable berhampiran dengan keluarga mereka.

Sejak dari tahun 2008, terdapat beberapa permohonan untuk tujuan lot rumah dan pertanian daripada peneroka melalui Ibu Pejabat FELDA telah diproses dan dikemukakan untuk pertimbangan MMKN oleh Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor.

Antara permohonan yang diterima adalah permohonan pemberimilikan bagi tujuan projek perumahan warga FELDA di Felda Soeharto, FELDA Sg Tengi Selatan dan FELDA Gedangsa.

Pada 22 Januari 2016 Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Hakmilik Tanah kepada 136 peneroka Felda Sungai Tengi Selatan Mukim Hulu Bernam dan Mukim Sungai Tinggi, Daerah Hulu Selangor oleh PKNS di atas tapak seluas 17 ekar untuk tujuan perumahan Generasi Kedua FELDA. Pemberian Hakmilik Tanah kepada peneroka FELDA Sungai Tengi, FELDA Soeharto dan FELDA Gedangsa pula telah dilaksanakan sebelum tahun 2008.

Kerajaan Negeri berharap agar pembangunan yang dirancang akan memberi manfaat bukan hanya kepada peneroka tetapi kepada keseluruhan Negeri Selangor amnya selaras dengan hasrat Negeri ‘Membangun Bangsa, Memakmur Negeri’.

